

PERUTUSAN NAIB CANSELOR 2008

YBHG. LT. JEN. DATO' IR. ISMAIL BIN SAMION TUDM

Saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanauwataala kerana dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya telah mengizinkan kita untuk bersama-sama dalam Bengkel Kecemerlangan Organisasi dan Pelan Strategik UPNM 2008. Terima kasih kepada Jawatankuasa Pelaksana yang berusaha dengan penuh komitmen untuk menjayakan Bengkel ini, juga kepada semua yang dapat hadir ke majlis ini. Saya kira kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian menunjukkan komitmen dan sokongan tuan-tuan dan puan-puan sekalian bukan sahaja kepada saya sebagai Naib Canselor, tetapi sebenarnya jauh lebih bermakna, iaitu iltizam kecapaian wawasan UPNM yang kita cintai. Sokongan dan kerjasama tuan-tuan dan puan-puan memberikan saya semangat dan kekuatan untuk memikul amanah dan tanggungjawab yang diberikan oleh kerajaan dan masyarakat kepada saya untuk menerajui Universiti unik ini.

Hari ini wajar bagi kita untuk menyorot kembali Falsafah Penubuhan Universiti sebagai asas kepada hala tuju perkembangan Universiti. Kita maklumi bahawa Universiti diasaskan untuk merealisasikan misi Negara dalam melahirkan graduan yang bersifat professional pegawai tentera mahupun awam. Falsafah penubuhan Universiti seperti yang termaktub adalah diasaskan seperti berikut;

-Universiti sebagai menara gading yang menjana dalam mengembangkan ilmu.

Jung ilmu

-Universiti sebagai institusi sosial

-Universiti sebagai institusi Penyelidikan Sains dan Teknologi Ketenteraan

-Universiti sebagai pusat kecemerlangan kepimpinan

Persoalannya, UPNM mesti menjangkau falsafah ini yang mana masa kini terbuka kepada persaingan yang sangat hebat. Universiti mula dilihat sebagai berada dalam satu liga masing-masing mempunyai kepentingan untuk menonjolkan kehebatannya. Hambatan kemajuan dengan ledakan kepesatan teknologi maklumat menuntut kita sentiasa bersedia dengan perubahan yang berlaku. Berpaksikan persaingan yang melonjak pada peringkat nasional mahupun antarabangsa, UPNM perlu mendepani arena ini. Di manakah kita dalam senarai Times Higher Ranking dalam 5 tahun akan datang? Dapatkah kita menjadi sebuah Apex Universiti yang berteraskan profesionalisme ketenteraan. Kita perlu bersedia dan menyedari apakah fungsi utama (Core Business) kita masa kini. Kita perlu melipatgandakan usaha kearah pencapaian matlamat dan misi berkenaan supaya lebih berjaya dimasa depan.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Tuan/puan

Budaya kerja perlu diubah menjadi suatu budaya yang hebat bagi menjamin keberkesanan fungsi universiti. Pemantapan pengetahuan dalam kalangan staf akan dipertingkatkan melalui proses pembelajaran secara formal atau tidak formal dengan mengadakan lawatan, penempatan jangka pendek dan hubungan dengan institusi terkemuka di luar negara bagi pendedahan kepada amalan tadbir urus yang baik dan telus sebagai penanda

universiti yang cemerlang. Kita perlu merancang ini secara sistematis sehingga hasilnya jelas, dirasai, adil serta saksama dan mengundang kekaguman semua pihak sama ada peringkat masyarakat, warga universiti, pemimpin pentadbiran negara dan semua pihak yang mempunyai kepentingan ini. Segala tindakan dalam pentadbiran kita mempunyai objektif yang jelas dan berkesan dalam perlaksanaan serta bersesuaian dengan fungsinya.

Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berada di bawah naungan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kita juga perlu peka dengan halatuju dan dasar yang ditetapkan oleh KPT. Kita perlu mengikuti rentak jalan yang ditetapkan oleh KPT. Autonomi universiti seperti yang banyak dituntut oleh golongan idealis terhadap misi nasional tidak ada sepenuhnya kepada kita. Secara jelas, kita bertanggungjawab kepada KPT dalam perlaksanaan program akademik kerana kos operasi universiti ini sebahagian besarnya dibiayai oleh KPT dan sudah tentunya pulangan yang kita berikan kepada Negara adalah mengikut acuan serta misi KPT. Kepesatan dalam perkembangan pendidikan tinggi Negara dewasa ini menyaksikan tumbuhnya institusi pendidikan tinggi, sama ada awam maupun swasta yang perlu kita saangi.

Dalam usaha kearah menjayakan matlamat dan aspirasi negara melalui KPT, peranan penjawat awam amat besar dan penting. Warga UPNM hendaklah berusaha mengemukakan pandangan, berinovasi dan mewujudkan suasana yang sesuai semoga kesemua pelajar dapat menimba ilmu dengan aman dan tenteram. Justeru, kita perlu mempengaruhi keadaan dan membentuk satu budaya yang dapat menghasilkan mutu kerja yang cemerlang yang dapat menyumbang kearah pencapaian “a conducive environment for learning”. Selain itu, penghayatan nilai murni di kalangan warga UPNM perlu diberi penekanan supaya dijadikan nilai bersama iaitu *common shared values* yang

vujudkan satu budaya UPNM yang tulen dan mereka memiliki nilai murni dalam kehidupan.

Tuan/puan

Di kesempatan ini, Saya ingin mengucapkan selamat datang kepada staf yang baru yang melapor diri ke Universiti ini. Anda terpilih untuk berkhidmat disini adalah kerana anda terbaik untuk membantu bagi meningkatkan kualiti tadbir urus pembelajaran yang terbaik bagi universiti ini. Sesungguhnya peranan tuan/puan dalam universiti dapat mentranformasikan pengajian tinggi negara ke arah pembentukan modal insan yang berkualiti. Selain itu, Saya dimaklumkan bahawa ramai penjawat awam baru disini belum lagi mengikuti kursus induksi untuk pengesahan jawatan dan saya percaya Pihak Pendaftar universiti sedang berusaha untuk melaksanakan kursus ini secara berperingkat-peringkat.

Kekangan dalaman seperti infrastruktur dan pengurusan sumber manusia sedikit sebanyak mengganggu kelancaran usaha kita. Kita dapat melihat terdapat ruang yang perlu ditingkatkan keberkesaan pelaksanaannya. Segala usaha Kepimpinan pada peringkat pengurusan dan pegawai kanan universiti seharusnya digembleng untuk menzahirkan satu komitmen secara kolektif. Kepimpinan universiti pada semua peringkat harus memainkan peranan dalam memastikan setiap misi dan visi universiti dapat diterjemahkan kepada perancangan dan pelan tindakan secara efektif. Kita harus berkongsi falsafah, misi dan visi universiti dengan semua staf.

Di samping itu, Kita perlu komited dalam usaha memacu transformasi pengajian tinggi ke arah pembangunan modal insan dengan minda kelas pertama. Justeru, universiti akan cuba menghapuskan birokrasi dengan pemudah cara dalam urusan. Dalam hal ini, setiap warga akan menjadi rakan kongsi dalam

strategik UPNM dan juga turut memberi pengaruh dalam kecemerlangan universiti. Untuk menuju kearah tersebut, UPNM perlu cemerlang dari segi:

- a. **Tadbir urus: pengurusan yang efisien, berkesan dan berintegriti.**
- b. **Budaya: profesionalisme dalam mencapai kualiti kerja yang tinggi dan kerja berpasukan.**
- c. **Sumber kewangan: agihan peruntukan yang efisien untuk mencapai objektif.**
- d. **Sumber manusia: sinergi di antara yang baru dan sedia ada termasuk pengalaman pakar.**
- e. **Infrastruktur: penyediaan kemudahan pembelajaran dan latihan yang berkualiti.**

Justeru, peranan Pejabat Pendaftar amat penting sebagai pemudahcara bagi memastikan isu Sumber Manusia, Bidang Korporat, Jaminan Kualiti dan hala tuju Universiti berjalan dengan lancar. Pejabat Pendaftar akan memastikan bahawa misi dan matlamat perlu mempunyai hubung kait antara insiatif dan strategi, menyediakan pertukaran maklumat yang berkesan serta membuat pelarasan dengan cara:

1. Membantu unit lain dalam melaksanakan tugas secara lebih cekap dalam menganalisis, menggubal, mengurus dan menyelaras strategi universiti.
2. Mentor dan Latihan dalam melaksanakan tugas berkaitan dengan Khidmat nasihat dan rundingan kepada pihak berkepentingan. Unit ini akan membantu IPT dalam pelaksanaan strategi dan pelan tindakan berkaitan dengannya.
3. Pemantauan dengan bertanggungjawab memantau pelaksanaan dan keberkesanannya program dan aktiviti berkaitan

dakan. Disamping itu, unit ini akan memberi perhatian tentang kemajuan pelaksanaan secara holistik.

3. Komunikasi yang akan mengurus hal –hal berkaitan dengan komunikasi di antara KPT, lain-lain university dan pihak berkepentingan untuk memastikan mereka memperoleh maklumat terkini.

Tuan/Puan,

Warga UPNM yang mempunyai latar belakang, tahap pendidikan dan pengalaman yang berbeza sudah tentu akan menjadi UPNM sebagai sebuah IPTA yang mempunyai segala kompenen yang penting dalam memacu universiti kearah kecemerlangan. Kepelbagaiannya yang dimiliki tidak harus dijadikan penghalang untuk kita sama-sama berkongsi kepakaran dan pengalaman kecemerlangan. Saya yakin dengan musyawarah kita dapat menyelesaikan segala masalah yang timbul dengan syarat kita mempunyai fokus utama untuk mencari penyelesaian dan bertanggungjawab untuk membawa universiti kearah kecemerlangan dengan gabungan usaha-usaha yang berteraskan *share values* dan matlamat yang sama.

Dalam hal ini , kita perlu memastikan latihan kepada kakitangan universiti sama ada kakitangan akademik mahupun bukan akademik dirancang dengan teliti. Latihan kepada pegawai mesti dirancang dengan sistematik dan mengambil kira impak daripada latihan yang diberikan. Bentuk latihan secara *adhoc* wajar dielakkan, sebaliknya kita laksanakan latihan dengan terancang, tersusun dan menggunakan fasa-fasa tertentu sehingga mampu memperlengkapkan kakitangan kita dengan kamahiran yang

kualiti, integriti dan jauhi amalan buruk kerana kesemuanya perosak kepada kedamaian sebuah universiti.

DASAR KPT

Tuan/puan

Pada peringkat ini, universiti awam sahaja sehingga kini Malaysia mempunyai 20 IPTA yang mengundang persaingan antara IPTA. Baru-baru ini, KPT telah melancarkan Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara 2007-2010. Penggubalan ini merupakan satu anjakan ke arah mempertingkatkan pembangunan modal insan dengan memperkasakan pengajian tinggi untuk kepentingan pembangunan negara dan memartabatkannya di persada nasional dan antarabangsa. Usaha ini meletakkan asas yang kukuh bagi meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara. Aspek tersebut menuntut perubahan dan transformasi pengajian tinggi yang menekankan modal insan sebagai aset penting untuk kemakmuran dan kelestarian ekonomi negara. Pelan strategik ini telah menggariskan tujuh teras utama yang dilaksanakan dalam **empat fasa seperti berikut:**

1. Fasa1-Perletakan Asas (2007-2010)

Kita, menfokus dahulu fasa pertama supaya perancangan dan pembangunan akademik dapat berjalan dengan lancar seiring dengan hala tuju KPT.

Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara 2007-2010 merupakan pelaksanaan pada fasa 1 (perletakan Asas) yang menggariskan strategi dan pelan tindakan untuk meningkatkan dan menambah baik sistem pengajian tinggi negara bagi tempoh 2007 hingga 2010, dalam tempoh RMKe -9. Pelan ini digubal secara

tik oleh jawatankuasa Pelan Strategik KPT. Siap universiti oleh KPT adalah untuk pihak universiti merangka Pelan Strategik selari dengan sasaran Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) KPT. Penubuhan ini bertujuan untuk melaksanakan program dan aktiviti di peringkat institusi di samping memberikan sokongan bagi menjayakan perancangan dan pelaksanaan Pelan Tindakan. Di bawah pelan ini, tujuh teras diperkenalkan iaitu:

- 1. Meluaskan akses dan meningkatkan ekuiti,**
- 2. Menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran**
- 3. Memperteguhkan penyelidikan dan inovasi**
- 4. Memperkasakan institusi pengajian tinggi**
- 5. Mempergiatkan antarabangsa**
- 6. Membudayakan pembelajaran sepanjang hayat**
- 7. Memperkuuhkan sistem penyampaian KPT**

Berpaksikan persaingan yang melonjak pada peringkat nasional mahupun antarabangsa, UPNM perlu mendepani arena ini. Kita perlu bersedia dan menyedari apakah fungsi utama (core business) kita. Apakah apabila kita ingin menjadi universiti yang bereputasi antarabangsa maka cara kerja kita masih pada tahap biasa. Kita perlu melipatgandakan usaha ke arah pencapaian matlamat dan misi berkenaan.

Segala tindakan dalam pentadbiran kita mempunyai objektif yang jelas dan berkesan peranan serta fungsinya. Aspek pentadbiran dan pengurusan yang terkini adalah amat penting bagi menyokong usaha ke- arah universiti yang cemerlang dan sejajar dengan perubahan yang berlaku kepada Universiti – universiti di Malaysia untuk melonjak ke tahap yang lebih tinggi.

kan kita melaksanakan tugas secara efektif dan meningkatkan kualiti. Oleh itu, UPNM perlu mengadakan Pelan Strategiknya sendiri supaya seiring dengan Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara supaya dapat sama-sama mendukung aspirasi pembangunan Modal Insan Negara.

Tuan/puan

Baru-baru ini KPT ada mengumumkan pemilihan universiti APEX yang merupakan universiti akademik yang unggul sebagai landasan pantas untuk menjadi universiti bertaraf dunia. Walaupun kita masih baru untuk mencapai ke-arah universiti Penyelidikan seterusnya Universiti APEX, namun kita perlu merencanakan dengan lebih awal supaya matlamat kita adalah seiring dan selari dengan matlamat penubuhan universiti. Antara perkara yang perlu ditekankan sebagai prasyarat kejayaan, ialah kita perlu memiliki kepimpinan terbaik yang komited kepada kecemerlangan. Selain itu perlu ada pentadbir dan pengurus yang cekap, mempunyai daya komunikasi yang hebat, memiliki nilai moral dan integriti yang sempurna, serta mampu memacu serta meransang yang lain supaya yang lain terus cemerlang.

Seterusnya kepimpinan fakulti yang baik, ahli akademik dan penyelidik yang hebat dalam bidang kepakaran masing-masing perlu diwujudkan. Kesemuanya elemen ini perlu kita mendepani cabaran semasa ini bermula dari sekarang hingga kita dapat mencapai sesuatu matlamat yang disasarkan dalam KPI kita.

AKADEMIK

Tuan/puan

Ahli akademik adalah amat penting dalam usaha meningkatkan kecemerlangan sesebuah IPT dan membentuk pelajar yang berketrampilan. Untuk menghasilkan modal insan dengan minda kelas pertama, setiap IPT perlu mewujudkan persekitaran yang

ik perhatian pelajar supaya berusaha ke arah yang baik dan memberikan rangsangan kepada ahli akademik untuk terus menyampaikan ilmu pengetahuan. Saya sedia maklum bahawa kemudahan kita pada hari ini tidak setanding dengan universiti yang senior. Ini kerana kita merupakan sebuah universiti baru dan merencanakan pembangunan sesbuah universiti itu semestinya memerlukan tempoh masa yang lama untuk berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan universiti senior.

Namun semua itu bukan satu penghalang untuk kita berjaya kerana apa yang perlu ialah kesungguhan kita bersama-sama dalam satu pakatan untuk membangunkan keupayaan universiti. Saya berharap warga UPNM bersabar kerana kesemua ini memerlukan perancangan yang rapi dan masa untuk memastikan agenda pembangunan keupayaan dalam aspek pembelajaran dapat dicapai.

Di samping itu, kita perlu mengadakan hubungan rapat dengan industri dan kolaborasi perlu ditingkatkan dan diperbanyakkan. Jalinan Industri UPNM perlu dimantapkan.

Justeru, untuk membentuk budaya profesionalisme dalam kalangan ahli akademik, perkara berikut perlu diberi keutamaan:

- i. **Semua pensyarah perlu mempunyai tahap kesarjanaan dan profesionalisme yang tinggi dalam bidang pengkhususan masing-masing serta keupayaan mengajar yang berkesan.**
- ii. **Membangunkan program latihan profesionalisme.**
- iii. **Memberikan pengiktirafan dan penganugerahan.**

Sebagai makluman, kita telah menetapkan bahawa semua setiap program pensyarah UPNM perlu mempunyai kelulusan PHD. Ini kerana menurut KPT pada tahun 2006, terdapat lebih daripada

A. Sebanyak 25 peratus memiliki PHD dan tahun 2010, 60 peratus pensyarah berkelulusan PHD. *We have to start from somewhere. One PHD holder for each program a reasonable target.*

Sebagai Naib Canselor, saya ingin lihat hasrat ini terlaksana dan penyelidikan berbentuk akademik dapat bergerak pantas selaras dengan kehendak kerajaan untuk memperluaskan penyelidikan sains dan teknologi. Kita perlu mengambil cabaran untuk memajukan (R&D) dalam bidang ketenteraan kerana itu relevannya kita sebagai Universiti Pertahanan.

Justeru, terdapat dua aspek penting dalam membangunkan (R&D) di UPNM:

- 1. Menambah bilangan penyelidik, saintis dan jurutera (RSE).**
- 2. Memupuk budaya kerja yang sesuai untuk memastikan minat, dedikasi dan komitmen kearah penyelidikan.**

Bagi para pensyarah, saya harap dapat membuat penyelidikan ke peringkat antarabangsa dengan terbitan dalam jurnal-jurnal antarabangsa selain melibatkan diri dalam perbentangan kertas kerja dalam seminar-seminar peringkat antarabangsa.

HAL EHWAL PELAJAR

Tuan/puan,

Kita perlu sedar bahawa universiti wujud kerana adanya pelajar. Pelajar-pelajar ini adalah produk utama universiti dan akan menjadi antara pengukur kepada kualiti sebuah universiti. Jika graduan yang dihasilkan berkualiti dan cemerlang maka universiti akan dikatakan sebagai berkualiti dan cemerlang. Nama universiti akan dijulang oleh graduan walapun di mana sekalipun mereka

amat kita untuk melahirkan graduan saing perlu diberi keutamaan dengan usaha gigih tanpa henti.

Inilah sebenarnya falsafah keberadaban kita di Universiti. Walaupun universiti perlu memberi fokus kepada pengajaran dan penyelidikan yang boleh menyumbang kepada kekayaan negara, pelajar perlulah terus menjadi agenda kita. Untuk memupuk perpaduan nasional, kursus yang memberikan fokus kepada pemahaman tentang kepelbagaian budaya juga digalakkan kepada semua pelajar. Walau bagaimanapun, pendekatan pengajaran harus menekankan perkembangan domain afektif dan bukan semata-mata domain kognitif umpamanya kaedah perbincangan dan penyertaan dalam kumpulan.

Apa yang penting disini ialah kita perlu mengilap;

- 1. imej cemerlang pelajar yang beraklak mulia sebagai duta UPNM,.**
- 2. Memupuk budaya alumni yang cemerlang**
- 3. Melaksanakan aktiviti sukarela dan khidmat masyarakat sebagai agenda universiti dalam memperkuatkkan budaya berbudi bahasa, bertolenrasi dan berdisiplin**
- 4. Membentuk pengayaan pengalaman, kemahiran dan pengetahuan pelajar melalui seminar/bengkel atau kursus**
- 5. Jaringan bersama industri atau syarikat luar bagi membawa kemahiran keusahawanan untuk dimanfaatkan oleh pelajar**
- 6. Mengadakan aktiviti ko-kurikulum dalam bidang kesukanan dan kerjasama berpasukan (PALAPES)**

Kesemua ini akan dilaksanakan di bawah tanggungjawab Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

Saya penuh yakin dan percaya bahawa sekiranya Persatuan Mahasiswa atau aktiviti pelajar diwujudkan dan dirancang serta

baik tanpa pengaruh anasir yang tidak emerlangan sahsiah mahupun akademik pelajar dapat dipertingkat. Penglibatan dalam elemen ketenteraan seperti PALAPES dan Latihan Ketenteraan sebenarnya mempunyai keupayaan untuk memupuk semangat patriotism dan perpaduan di kalangan pelajar. Kesepaduan elemen ini akan membentuk graduan berkualiti yang boleh memenuhi ciri-ciri kebolehpasaran di samping terus menyumbang kearah mempertahankan keamanan dan kemakmuran negara.

Selain itu, para pelajar diwajibkan untuk melibatkan diri dalam aktiviti ko-kurikulum seperti khidmat masyarakat dan acara sukan demi membina ketrampilan kepimpinan kerja berpasukan dan kualiti sahsiah yang lain. Kita perlu memastikan kurikulum dan pedagogi yang relevan dan dinamik bagi mencetus kreativiti, inovasi, daya kepimpinan dan keusahawanan.

Di samping itu, usaha pembangunan dan penilaian kurikulum perlu ditingkatkan melalui kerjasama industri dan majikan. Walaupun kurikulum adalah penting, penyampai tenaga akademik yang efektif dengan melibatkan penyertaan aktif dan penyelesaian masalah digalakan dalam usaha memberikan pendedahan kepada pelajar supaya dapat berkomunikasi dan menyelesaikan masalah dengan baik. Untuk menjamin penguasaan beberapa bahasa asing, kurikulum bahasa ketiga perlu dilaksanakan secara beperingkat. Penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran akan terus digalakkan terutamanya dalam subjek sains, matematik dan teknikal. Apa yang diharapkan oleh saya supaya graduan kita dapat menjadi:

- 1. Graduan yang boleh berfikir secara kritikal, mempunyai kemahiran komunikasi dan berbahasa Inggeris dengan**

T dijadikan asas umum tanpa mengira g-masing.

Untuk mencapai aspirasi tersebut, bukanlah mudah tugas kita sebenarnya. Seluruh jentera pengurusan, pensyarah, pegawai tadbir mahupun kakitangan sokongan universiti mestilah diperkuuhkan untuk memikul amanah dalam mendidik mahasiswa ke arah keunggulan. Iltizam dan tekad harus dijanakan secara kolektif dan usaha mendidik pelajar mesti menjadi keutamaan sepanjang perkhidmatan tuan-puan di universiti. Kita perlu melihat para pelajar seperti anak kita sendiri, maka setiap tindakan kita mestilah dilakukan dengan setulus hati demi kecemerlangan mereka. Merekalah yang akan meneruskan perjuangan kita untuk membina agama, bangsa dan negara supaya terus maju, bermaruah dan berdaulat.

Tuan/puan

UPNM dibina atas hasrat untuk memperkasakan bidang ketenteraan dan keselamatan negara. Kita telah telusuri dan menjunjung amanah ini dengan moto yang jelas "**Kewajipan Maruah, Integriti**". Kita adalah satu-satunya universiti di negara ini yang paling komprehensif dari aspek pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perkhidmatan professional dalam bidang ketenteraan. Dari peringkat asasi hingga ke peringkat ijazah dan seterusnya nanti ke peringkat Master, kita sentiasa memberikan keutamaan kepada bidang yang menjurus kepada profesyen ketenteraan.

Setahu saya, masyarakat mungkin sebatи dengan panggilan ATMA, oleh itu kita mungkin tidak *glamour* sebagai sebuah universiti yang masih dianggap sebagai organisasi latihan ketenteraan. We

from this mind set. Apa yang perlu dudukan program akademik UPNM dengan

Program Latihan Ketenteraan untuk menghasilkan graduan yang mempamirkan perwatakan dan kepimpinan ketenteraan. Insyallah, UPNM akan berjaya jika kita sentiasa menghasilkan graduan-graduan yang mempunyai ciri-ciri demikian melalui latihan tentera yang berkualiti. Untuk mencapai maksud demikian, kita memerlukan jurulatih-jurulatih yang professional, yang dapat membawa perubahan kearah kecemerlangan.

Atas kenyataan yang saya kemukakan ini saya kira pertemuan saya tuan-tuan dan puan-puan adalah tepat pada waktunya kerana kita semua menggalas tanggungjawab yang sangat besar dalam merealisasikan hasrat negara supaya UPNM menjadi pusat kecemerlangan melahirkan graduan yang berdaya saing penuh dengan kemahiran *softskill* dan kemahiran tentera. Justeru, UPNM perlu membuat perubahan secara berterusan agar terus relevan dengan tuntutan semasa yang memerlukan kita peka kepada perubahan yang berlaku disekeliling kita.

Akhir sekali, saya percaya tahun 2008 akan membawa perubahan yang besar kepada Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Perubahan yang senantiasa menuntut kepada anjakan paradigma secara kolektif dan bersepodu. Saya penuh yakin dan optimis bahawa kita akan berupaya mendukung harapan dan aspirasi ini. Kita perlu bersama dengan kerja pasukan yang mantap, **mensasarkan pada objektif dan haluan yang sama** demi memastikan UPNM yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Pengubalan dan Penerbitan Pelan Strategik adalah merupakan satu langkah untuk mencapai kecemerlangan.

Sekian, terima kasih